

18 JUN 1999

MAHATHIR-TANPA SEMPADAN

ALIRAN SILANG DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN MESTI MELIBATKAN ORANG

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Barat mengaut keuntungan dengan berpegang kepada defisini sempit "dunia tanpa sempadan" dengan mengorbankan negara-negara membangun.

Katanya ini telah membolehkan negara-negara Barat dan modal mereka masuk ke negara-negara lain dengan bebas tetapi menyekat pergerakan, khususnya pergerakan orang dari negara membangun ke dalam negara mereka yang makmur.

"Definisi dunia tanpa sempadan seharusnya juga merangkumi pergerakan orang merentasi sempadan dengan bebas, bukan hanya modal," katanya dalam wawancara dengan wartawan Lorraine Hahn yang disiarkan melalui program Biz News CNN malam ini.

Ditanya sama ada pendapatnya yang terkandung dalam buku terbarunya bertajuk "New Deal For Asia" bahawa sudah tiba masanya dihapuskan segala halangan bagi pengaliran modal bercanggah dengan tindakannya menyalahkan dana lindung nilai atau wang panas sebagai penyebab krisis kewangan Asia, beliau berkata:

"Tidak (bercanggah) kerana ada banyak tafsiran tentang globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

"Ia tidak bererti bahawa dunia ini hanya tanpa sempadan bagi mereka untuk datang ke negara kita, ia seharusnya juga bererti tanpa sempadan bagi kita untuk masuk ke negara mereka (tetapi) kita tidak ada modal untuk masuk ke negara mereka."

Dr Mahathir menegaskan bahawa oleh kerana negara-negara di Timur mempunyai ramai penduduk, mereka seharusnya dibenarkan "melintasi sempadan ke negara-negara yang lebih makmur, barulah benar-benar menghapuskan halangan."

-- BERNAMA

MR KY MA